

LAMPIRAN A1

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU VETERINAR/PENOLONG PEGAWAI VETERINAR

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERTANIAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	:	G17, G22, G26, G27/28, G32, G36
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JULAI 2013

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU VETERINAR GRED G17

- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: RM932.15).

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G27

- (d) (i) Sijil Veterinar daripada Institut Veterinar Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G27: RM1,362.85); atau

- (ii) diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G27: RM1,814.06).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred G17 dan Gred G27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN 4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA/
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G22**

10. Pembantu Veterinar Gred G17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Veterinar Gred G22 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G26**

11. Pembantu Veterinar Gred G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Veterinar Gred G26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G28**

12. Pembantu Veterinar Gred G17 atau G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G28 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d)(i) atau (d)(ii);
- (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

13. Pembantu Veterinar Gred G26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G28 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G32**

14. Penolong Pegawai Veterinar Gred G27/28 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G32 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G36**

15. Penolong Pegawai Veterinar Gred G32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G36 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEGAWAI VETERINAR
GRED G41**

16. Penolong Pegawai Veterinar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Veterinar Gred G41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim Perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Veterinar yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 35 Tahun 2005).

Skim Perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Veterinar yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).